

# Petua untuk melaporkan keganasan terhadap wanita dan anak mereka

Edisi Victoria 2019

**Our  
WATCH**  
End violence against  
Women And Their Children

## Bahasa

- ‘Keganasan terhadap wanita’ (VAW) adalah mana-mana tindakan keganasan berasaskan jantina yang memudaratkan wanita, di khalayak ramai atau secara tertutup. Ia merangkumi keganasan keluarga bahkan juga keganasan bukan pasangan/keluarga (contohnya, dilakukan oleh rakan sekerja atau orang yang tidak dikenali).
- ‘Keganasan keluarga’ (FV) adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan keganasan yang berlaku dalam rangkaian keluarga luas (contohnya di kalangan ahli keluarga/pasangan rapat). Dalam komuniti Orang Asli dan Penduduk Kepulauan Selat Torres, istilah tersebut juga merujuk kepada keganasan dalam tali persaudaraan luas<sup>1</sup>.
- ‘Keganasan rumah tangga’ (DV) hanya merujuk kepada tindakan keganasan yang berlaku dalam suasana rumah tangga antara dua orang yang sedang, atau pernah, berada dalam hubungan rapat dan istilah yang kurang digunakan.

## Memahami bagaimana diskriminasi memberikan kesan kepada keganasan

Ketidakeimbangan kuasa yang mewujudkan diskriminasi (seksisme, rasisme, diskriminasi terhadap orang-orang cacat, ketidaksamaan jantina, dll.) boleh bermaksud bahawa sesetengah wanita adalah terjejas oleh keganasan secara tidak seimbang, mangsa keganasan yang berulang dan menghadapi halangan tambahan, termasuk sistemik terhadap melaporkan keganasan dan mencapai perkhidmatan sokongan pakar<sup>2</sup>.

Contohnya, seseorang wanita Orang Asli yang mengalami ketidakupayaan boleh mengalami rasisme yang bersilang (dia takut bahawa pelaporan akan mengakibatkan anaknya akan diambil daripadanya) dan diskriminasi terhadap orang-orang cacat (dia bergantung pada penjaga bukan Orang Aslinya yang menghamburkan kata-kata makian), oleh itu, dia tidak melaporkan keganasan tersebut.

Cara diskriminasi memberikan kesan kepada keganasan	Contoh
Keganasan terhadap wanita yang mengalami diskriminasi dan penindasan adalah lebih berkemungkinan dimaafkan	<ul style="list-style-type: none"><li>– Diketepikan sebagai ‘sebahagian daripada budaya mereka’</li><li>– Diwajarkan dengan merujuk teks agama</li><li>– Dimaafkan sebagai gejala ‘tekanan jiwa penjaga’</li></ul>
Wanita yang mengalami berbilang bentuk penindasan adalah sering berstereotaip	<ul style="list-style-type: none"><li>– Dilabelkan sebagai ‘penagih dadah’, ‘celopar’, ‘agresif’</li><li>– Keganasan dipulihkan seperti biasa kekurangan yang bolehlah dikatakan kerana kekurangan</li></ul>
Perhubungan sebaya lelaki yang menitikberatkan keagresifan boleh memberikan kesan yang lebih pada sesetengah wanita	<ul style="list-style-type: none"><li>– Wanita penghijrah boleh dighairahkan dan dijadikan objek pemujaan sebagai ‘eksotik’, ‘pasif’ dan ‘tersedia kepada lelaki’ dan boleh dijadikan sasaran dan dipromosikan untuk pelancongan seks dan filem lucah fesyen yang berbau perkauman</li></ul>
Sesetengah wanita adalah lebih cenderung diimpak oleh kawalan membuat keputusan lelaki yang menghadkan kebebasan	<ul style="list-style-type: none"><li>– Melalui kekurangan capaian sama kepada peluang pendidikan dan pekerjaan dan justifikasi untuk kawalan membuat keputusan lelaki sebagai ‘semata-mata sebahagian daripada budaya/agama mereka’</li></ul>

## Tanggapan salah yang lazim

Tanggapan salah	Hakikat
Keganasan didorong atau ‘disemarakkan’ oleh alkohol atau dadah, kesihatan mental, tekanan, budaya, ‘beban’ menjaga seseorang yang mengalami ketidakupayaan atau ‘patah jiwa’	<ul style="list-style-type: none"><li>– Ini tidak sejajar dengan bukti. Penyelidikan menunjukkan bahawa 80 peratus daripada lelaki yang membunuh pasangan mereka mempunyai sejarah mendera mereka<sup>3</sup></li></ul>
Sesetengah budaya atau kumpulan sosioekonomi adalah lebih ganas daripada yang lain	<ul style="list-style-type: none"><li>– Lelaki yang berlatarbelakangkan budaya dan sosioekonomi melakukan keganasan terhadap wanita</li><li>– Melaporkan secara kerap menandakan bahawa keganasan terhadap wanita Orang Asli hanya dilakukan oleh lelaki Orang Asli manakala lelaki bukan penduduk asli juga adalah pelaku, khususnya di kawasan bandar<sup>4</sup></li></ul>
Wanita boleh meninggalkan situasi yang ganas “jika mereka mahu”	<ul style="list-style-type: none"><li>– Keganasan yang paling ekstrem, termasuk pembunuhan, kerap berlaku semasa seseorang wanita cuba meninggalkan suatu hubungan</li></ul>

## Petua menggunakan statistik

- Tinjauan Keselamatan Peribadi Australian Bureau of Statistics menyediakan data yang paling menyeluruh mengenai keganasan yang dialami oleh kedua-dua lelaki dan wanita.
- Statistik jenayah yang dicatat tidak memberitahu cerita sepenuhnya, kerana kebanyakan orang yang mengalami keganasan tidak melaporkannya kepada pihak polis.
- Tinjauan National Community Attitudes menangkap data seluruh Australia mengenai sikap terhadap keganasan terhadap wanita.

# Petua untuk melaporkan keganasan terhadap wanita dan anak mereka

Edisi Victoria 2019

**Our  
WATCH**  
End violence against  
Women And Their Children

## Lakukan dan jangan lakukan

Petua	Lakukan	Jangan Lakukan
Namakannya	<b>Lakukan:</b> Gunakan istilah 'keganasan terhadap wanita', 'keganasan keluarga', 'penganiayaan orang tua', 'bahan eksploitasi kanak-kanak', 'rogol' dan 'pembunuhan'	<b>Jangan Lakukan:</b> Gunakan istilah yang mengurangkan dan mengecilkan keganasan (contohnya 'pertikaian rumah tangga' atau 'filem lucah kanak-kanak')
Utamakan keselamatan	<b>Lakukan:</b> Sentiasa sedar bahawa ia mungkin adalah mudah (contohnya, dalam komuniti Orang Asli atau kawasan luar bandar/wilayah) untuk mengenal pasti seseorang walaupun langkah-langkah untuk tidak mengecam diambil	<b>Jangan Lakukan:</b> Menjejaskan keselamatan pemandiri. Pertimbangkan bahawa memasukkan butiran-butiran khusus mengenai pemandiri/-pemandiri, apa yang telah berlaku dan di mana boleh merisikokan pengecaman
Bahasa berasaskan bukti	<b>Lakukan:</b> Gunakan bahasa yang membantu penonton memahami bukti <sup>3</sup> : bahawa <b>kebanyakan keganasan terhadap wanita dan anak mereka didorong oleh ketidaksetaraan jantina melalui:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>– membiarkan keganasan lelaki terhadap wanita,</li><li>– kawalan membuat keputusan lelaki dan menghadkan kebebasan wanita,</li><li>– stereotaip jantina tegar, dan</li><li>– menunjukkan sikap tidak hormat perhubungan sebaya wanita dan lelaki yang menitikberatkan keagresifan</li></ul>	<b>Jangan Lakukan:</b> Gunakan bahasa yang mengatakan secara tidak sengaja bahawa mangsa adalah bertanggungjawab atas apa yang telah berlaku kepada mereka, termasuk sama ada mereka minum arak, keluar larut malam, berjalan pada waktu malam atau sendiri, bertemu orang lain, dll. <b>Pelaku adalah bertanggungjawab</b>
Serius bukan penuh sensasi	<b>Lakukan:</b> Gunakan bahasa dan tajuk berita penuh hormat untuk menyatakan dengan jelas keseriusan keganasan ini	<b>Jangan Lakukan:</b> Menimbulkan sensasi atau mengecilkan keganasan melalui penggunaan bahasa dan pan yang terlalu dramatik, butiran-butiran yang tidak perlu dan imej yang melemahkan pemandiri
Mengakui pelaku	<b>Lakukan:</b> Gunakan bahasa aktif untuk menegaskan bahawa seseorang telah melakukan keganasan ini, contohnya 'lelaki menyerang isteri'  <b>Lakukan:</b> Jika ia adalah selamat/mungkin dari segi undang-undang, namakan hubungan antara mangsa dan pelaku untuk mengingatkan penonton anda bahawa kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh seseorang yang mengenali mereka	<b>Jangan Lakukan:</b> Gunakan bahasa pasif yang memadamkan pelaku, contohnya, 'wanita diserang'  <b>Jangan Lakukan:</b> Memperkukuh idea bahawa wanita patut mengawasi atau mengubah suai tingkah laku mereka sendiri untuk mengelakkan keganasan lelaki; kebertanggungjawapan seharusnya sentiasa terletak pada pelaku
Sertakan pilihan sokongan	<b>Lakukan:</b> Sentiasa sertakan: "Jika anda atau seseorang yang anda kenal sedang mengalami keganasan keluarga, sila menelefon 1800 RESPECT." Di samping itu masukkan rujukan bagi lelaki, seperti: "Untuk kaunseling, nasihat dan sokongan untuk lelaki yang mengalami isu-isu kemarahan, hubungan atau keibubapaan, sila menelefon Men's Referral Service di 1300 766 491"	<b>Jangan Lakukan:</b> Hanya berikan maklumat mengenai perkhidmatan pakar kesihatan mental atau membunuh diri. Ini memaafkan kesan keganasan dan terlepas peluang untuk memaklumkan komuniti mengenai pilihan bantuan pakar lain
Gunakan imejan yang sesuai	<b>Lakukan:</b> Tanya diri anda: <ul style="list-style-type: none"><li>– Apakah kesan yang diberikan oleh imej ini terhadap keluarga pemandiri-mangsa?</li><li>– Adakah saya mengekalkan stereotaip yang memudaratkan mengenai jantina, bangsa, kemampuan dan umur?</li></ul>	<b>Jangan Lakukan:</b> Ambil gambar pemandiri atau mangsa daripada suatu ketinggian untuk membuat mereka kelihatan kecil, minta mereka 'kelihatan sedih' atau menggunakan imej berbaju yang terlalu mendedahkan daripada media sosial
Rujuk kepada pakar	<b>Lakukan:</b> Untuk mendapatkan penjelasan tentang isu tersebut rujuk kepada pakar mengenai keganasan terhadap wanita: sila lawat <a href="http://ourwatch.org.au/News-media/Media-Contacts">ourwatch.org.au/News-media/Media-Contacts</a>	<b>Jangan Lakukan:</b> Hanya bergantung pada pihak polis atau badan kehakiman untuk memberikan komen. Pihak polis boleh memberikan sejarah jenayah yang dilaporkan, walau bagaimanapun, kebanyakan keganasan terhadap wanita tidak dilaporkan.

Dokumen ini adalah ringkasan mengenai *Cara melaporkan keganasan terhadap wanita dan anak mereka*. Untuk maklumat lanjut dan mengakses panduan pelaporan yang lengkap, sila lawat: [ourwatch.org.au](http://ourwatch.org.au)

### Nota

- 1 Australian Human Rights Commission, Ending family violence and abuse in Aboriginal and Torres Strait Islander communities, 2006
- 2 Our Watch, *Changing the picture*, 2018
- 3 Australian Domestic and Family Violence Review Network, *Data Report*, 2018
- 4 Our Watch, *Changing the picture*, 2018
- 5 Our Watch, *Change the story: A shared framework for the primary prevention of violence against women*, 2015